



Rujukan kami : JANM.600-15/4/6(36)
Tarikh : 8 Mei 2026

SEPERTI SENARAI EDARAN

Ketua Akauntan, Bahagian Akaun Kementerian
Pengarah JANM Negeri/Cawangan
Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)

YBhg Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

SURAT EDARAN BOPP BILANGAN 8 TAHUN 2026

PELAKSANAAN SEMAKAN TAMBAHAN (*SECOND VALIDATION*) PEMBAYARAN OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN MELALUI ARAHAN PEMBAYARAN BAGI ENTITI NOMBOR TENTERA (NOTE) DI SISTEM iGFMS

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Selaras dengan Strategi dan Garis Masa Pelaksanaan *Second Validation* yang telah diluluskan oleh pihak pengurusan JANM pada 23 April 2026, ***Second Validation* pembayaran Kerajaan di sistem iGFMS bagi entiti Nombor Tentera (NOTE) akan dilaksanakan secara berperingkat dalam tiga (3) fasa mengikut bank.** Pelaksanaan *Second Validation* pembayaran Kerajaan (entiti NOTE) akan bermula dengan fasa pertama pada 1 Jun 2026 disusuli dengan tiga (3) fasa yang dijadualkan akan dilaksanakan pada tahun 2026.

3. Surat edaran ini hendaklah dibaca bersama dengan Garis Panduan Akauntan Negara Malaysia (GPANM) Bilangan 2 Tahun 2022 bertarikh 8 April 2022 yang menyatakan pengesahan tambahan iaitu *Second Validation* berlaku di sistem bank penerima bayaran. Pengesahan identiti penerima bayaran yang menggunakan NOTE akan dibuat berdasarkan perbandingan antara **nombor akaun bank** dan **Nombor Tentera** penerima bayaran yang terdapat di dalam iGFMS dengan maklumat penerima bayaran di sistem bank. Justeru, **PTJ hendaklah memastikan Nombor Tentera penerima bayaran yang didaftarkan di iGFMS dan sistem bank adalah sama agar pembayaran dapat dikreditkan ke akaun bank penerima sebenar dan tiada penolakan *Electronic Fund Transfer - EFT* (*rejection*).**

4. Pelaksanaan *Second Validation* pembayaran Kerajaan (entiti JPN) adalah seperti berikut :

4.1 Tarikh Pelaksanaan

Bermula pada **3 Jun 2026 (Fasa 1)** mengikut bank sepertimana Jadual pelaksanaan adalah seperti di **Lampiran 1** (tertakluk kepada sebarang pindaan).

4.2 Tatacara Pengendalian Penolakan Bayaran EFT

Pengendalian penolakan bayaran melalui EFT hendaklah mematuhi Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pindahan EFT Ditolak/Cek Terbatal di dalam Surat Pekeliling Akauntan Negara (SPANM) Tatacara Pengurusan Bayaran yang berkuatkuasa. **PTJ bertanggungjawab mengambil tindakan seperti berikut :**

- i. Bagi penolakan disebabkan oleh pelaksanaan *Second Validation* ini, kemaskini maklumat Nombor Tentera hendaklah dibuat SEGERA di sistem iGFMAS (oleh PTJ) ataupun di sistem bank (oleh penerima bayaran); dan
- ii. Penggantian penolakan EFT hendaklah disempurnakan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh dokumen sokongan lengkap diterima.

Bagi tujuan ini, Pejabat Perakaunan bertanggungjawab untuk memberi peringatan kepada PTJ untuk membuat penggantian EFT dengan kadar SEGERA berdasarkan dokumen yang lengkap bagi memastikan pembayaran dapat disempurnakan kepada penerima yang sebenar serta mengelakkan aduan susulan daripada pelaksanaan *Second Validation* ini.

5. Bahagian Akaun Kementerian bertanggungjawab memaklumkan kepada pihak pengurusan Kementerian dan PTJ masing-masing bagi pelaksanaan *Second Validation* ini. JANM Negeri/ Cawangan juga perlu membuat hebahan kepada PTJ masing-masing bagi memastikan pelaksanaan *Second Validation* ini berjalan lancar seterusnya mengukuhkan akauntabiliti dan integriti proses pembayaran Kerajaan.

6. Kerjasama Pejabat Perakaunan dan PTJ dalam memastikan pelaksanaan *Second Validation* pembayaran Kerajaan (entiti NOTE) ini berjalan lancar amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

'MALAYSIA MADANI'
'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'
'Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan'

Saya yang menjalankan amanah,



(SHARIFAH NOR AIN BINTI SYED AHMAD c.A.(M))
Timbalan Pengarah
Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan
b/p Akauntan Negara Malaysia

s.k TAN (O)

**GARIS MASA PELAKSANAAN SEMAKAN TAMBAHAN PEMBAYARAN BAGI MODUL
 ARAHAN PEMBAYARAN (ID NOMBOR TENTERA)**

Fasa	Bulan Go-Live	Bil	BILANGAN AO TERLIBAT	AO/BA	House Bank	Benefisiari Bank	Bil. Penerima dalam Database
F1	Jun 2026	1	7	Kedah, Perak, Selangor, Terengganu, MINDEF, KPM, KESUMA	Affin Bank Berhad	Batch 1: Affin Bank Berhad+Public Bank Berhad +Bank Muamalat Malaysia Berhad +Bank Islam Malaysia Berhad +Malayan Banking Berhad +Hong Leong Islamic Bank Berhad +Alliance Bank Malaysia Berhad +RHB Bank Berhad +Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (9 bank)	58,340
		2	3	Sarikei, KDN, KPK	Public Bank Berhad		56
		3	6	JPM, KKDW, KUSKOP, KPKT, KPN, KE	Bank Muamalat Malaysia Berhad		42,013
		4	7	Kelantan, Pahang, KPKM, KK, KLN, KPT, PETRA	Bank Islam Malaysia Berhad		1,831
		5	5	Johor, Tawau, Limbang, Kapit, MOF	Malayan Banking Berhad		16,210
		6	5	Negeri Sembilan, Melaka, MOT, KPDN, KD	Hong Leong Islamic Bank Berhad		10
		7	3	Sabah, KBS, NRES	Alliance Bank Malaysia Berhad		6
		8	6	Sarawak, KKM, KKR, MOSTI, KPWK, JKDM	RHB Bank Berhad		28
		9	53	Semua AO	-		10,122
F2	Julai 2026	10	11	Penang, Perlis, Labuan, Keningau, Sandakan, Sri Aman, Sibul, Miri, Bintulu, MITI, MOTAC	CIMB Bank (House Bank)	Batch 1 +Batch 2: CIMB Bank+Agrobank	6,213
		11	53	Semua AO	-		2
F3	Sept - Dis 2026 (Tertakluk kepada ketersediaan sistem bank)	12	53	Semua AO	-	Batch 1+2 +Batch 3: Bank Simpanan Nasional	8,695
		13	53	Semua AO	-	Batch 1+2+3 +Batch 4: Bank-bank IBG yang lain (Bukan House Bank)	60
Jumlah							143,586